

Pakatan dedah 6 kelemahan PPPM
Malaysian Insider
Sept 10 , 2013
Oleh Hasbullah Awang Chik

Jawatankuasa Pendidikan Pakatan Rakyat (JPPR) hari ini menyelar enam aspek yang menjadikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) yang dilancarkan Menteri Pendidikan, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada Jumaat bukan satu platform menyeluruh.

JPPR menjelaskan ketiadaan maklum balas daripada Kementerian Pendidikan terhadap pendedahan spesifik sistem pendidikan gagal memberi keyakinan bahawa PPPM akan dilaksanakan dengan betul dan cekap.

"Kelemahan pertama ialah kementerian enggan mendedahkan skim markah untuk lulus peperiksaan Matematik, Matematik Tambahan, Fizik, Kimia, dan Bahasa Inggeris dalam SPM kononnya dirahsiakan di bawah Akta Rahsia Rasmi.

"Ini melanggar Anjakan 11 Pelan Muktamad iaitu "meningkatkan ketelusan untuk akauntabiliti awam". Jika markah kelulusan ini dirahsiakan di bawah Akta Rahsia Rasmi, mungkinkah markah kelulusan untuk peperiksaan Bahasa Inggeris SPM akan diturunkan tanpa pengetahuan umum apabila mata pelajaran itu wajib lulus peperiksaan pada 2016?" katanya dalam satu kenyataan media hari ini.

Kelemahan kedua yang digariskan adalah kementerian gagal bertindak terhadap insiden kantin dalam bilik mandi di SK Seri Pristina dengan Timbalan Menteri Pendidikan, P Kamalanathan bukan sahaja menyifatkan peristiwa ini sebagai masalah kecil malah polis menyoal siasat murid di sekolah itu tanpa keizinan penjaga.

Katanya, tindakan sebegini menjejaskan keyakinan orang ramai terhadap sistem sekolah kebangsaan dan akan menyebabkan lebih ramai ibu bapa menghantar anak mereka ke sekolah lain.

"Kelemahan ketiga adalah kementerian gagal menjawab dakwaan Diploma Pendidikan Jasmani dianugerahkan kepada guru oleh Akademi Sukan Amerika Syarikat (USSA) di bawah program Kementerian Pendidikan yang bukan sahaja terlalu mahal dengan kos RM27,000 seorang untuk program selama 6 bulan malah hanya program tahap sijil dan bukan diploma.

"Jika kursus 'diploma' yang gagal memenuhi tahap piawaian Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) untuk kursus diploma yang sebenar dapat juga ditawarkan kepada pendidik di Malaysia, kami juga merasakan program latihan dan latihan semula di bawah Pelan Pendidikan ini akan turut dianugerahkan dengan selamba sahaja dan gagal mencapai objektif yang dikehendaki," katanya.

JPPR turut melihat kelemahan keempat dalam PPPM ialah kementerian gagal bertindak terhadap beberapa guru besar yang didapati menjual tablet kunyah bernama 'Dimensi 108' kononnya mendapat sokongan Majlis Guru Besar Daerah Mersing dan Kota Tinggi.

Katanya, skandal ini mencerminkan kelemahan kementerian untuk melaksanakan Anjakan 6: Mengupaya Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah untuk menyediakan penyelesaian khusus berasaskan keperluan.

Kelemahan kelima yang digariskan JPPR ialah Kementerian gagal memberi penjelasan mengapa syarikat YTL yang tiada pengalaman dalam penghasilan perisian pendidikan ataupun pembuatan perkakasan komputer telah diberikan kontrak bernilai tinggi untuk memasang platform pembelajaran maya (VLE) bagi kegunaan murid, guru dan ibu bapa serta membekalkan setiap murid dengan Chromebook di bawah dasar 1 Murid 1 Komputer.

Jawatankuasa itu menyelar Chromebook dibekalkan kepada Kementerian dengan harga yang lebih tinggi daripada harga pasaran serta penganugerahan kontrak tersebut mempersoalkan Anjakan 10 iaitu 'Memaksimumkan keberhasilan murid bagi setiap ringgit'.

"Kelemahan keenam yang kami dapati ialah Kementerian gagal memberi tempat kepada 460 graduan Diploma Perguruan Lepas Ijazah (DPLI) di sekolah jenis kebangsaan yang masih kekurangan guru.

"Graduan tersebut bertugas sebagai guru sementara sebelum didaftar dalam kursus DPLI pada Disember 2011. Mereka juga menikmati elaun RM1,300 sebulan semasa kursus ini.

"Namun, 3 bulan selepas kursus diploma tamat pada 23 Mei tahun ini, Kementerian masih gagal memberi tempat kepada graduan itu. Ini mencerminkan kelemahan Kementerian dalam membuat perancangan teliti dan juga pembaziran wang dan tenaga yang jauh menyimpang daripada komitmen untuk memaksimumkan kecekapan," katanya.

JPPR berkata, enam perkara ini jelas membuktikan bahawa Menteri Pendidikan sememangnya tidak mempunyai azam politik ataupun hasrat untuk melaksanakan 11 anjakan yang digariskan dalam PPPM dengan betul dan cekap. – 10 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pakatan-dedah-6-kelemahan-pppm>